

MALAYSIA MEMASUKI FASA ENDEMIK

HARIZAN METRO (04/09/2021)

MIS 02

Dari pandemik kepada endemik dan rakyat Malaysia perlu mempersiapkan diri untuk senario ini iaitu hidup dengan Covid-19 yang sudah menjangkiti lebih 219 juta penduduk dunia setakat ini.

Ini hakikat yang dikongsi oleh Menteri Kesihatan yang baharu dilantik, Khairy Jamaluddin dalam sidang akhbar di Putrajaya pada Rabu 1 September.

Daripada 223 buah negara yang melaporkan jangkitan koronavirus yang boleh membunuh manusia ini, Malaysia kini di tangga 23 dengan kumulatif kes sebanyak 1,786,004 kes.

Kelmarin, Malaysia melaporkan sebanyak 20,988 kes harian baharu Covid-19, menjadikan kes aktif dengan kebolehhangkitan meningkat kepada sebanyak 262,540.

Lebih 4.5 juta nyawa di seluruh dunia sudah melayang akibat Covid-19 ini yang dicetuskan virus SARS-CoV-2. Di Malaysia, kes kumulatif kematian sehingga 2 September adalah 17,191 kes (0.96 peratus). Sebanyak 249 kes kematian dilaporkan kelmarin.

Menurut Khairy: "Malaysia

INFO

Jangkitan koronavirus jejas 223 negara di seluruh dunia.

Sebanyak 1,786,004 kes kumulatif dicatatkan di Malaysia.

Kes kumulatif kematian sehingga 2 September adalah 17,191 kes.

Kes aktif dengan kebolehhangkitan meningkat kepada 262,540.

dijangka memasuki fasa endemik Covid-19 pada Oktober 2021, selaras dengan sasaran kerajaan memastikan sekurang-kurangnya 80 peratus populasi dewasa di negara ini

mendapat vaksin pada bulan berkenaan.

"Masyarakat perlu menerima hakikat untuk hidup bersama virus itu meskipun negara berjaya mengawal pandemik Covid-19," katanya.

Beliau turut mengingatkan bahawa rakyat di negara ini masih perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan melakukan kawalan sendiri.

Untuk kes pesakit sembuh, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kelmarin melaporkan sebanyak 23,473 kes, menjadikan kes kumulatif sembuh sebanyak 1,506,273 (84.3 peratus). Ini bermakna angka kes sembuh mengatasi kes baharu (20,988 kes).

Sebelum ini, kes sembuh



Masyarakat perlu menerima hakikat untuk hidup bersama virus itu meskipun negara berjaya mengawal pandemik Covid-19"

Khairy

juga mengatasi kes harian baharu untuk tiga hari sepanjang rangkuman mingguan (28 Ogos hingga 2 September) iaitu pada 1 September, angka kes sembuh sebanyak 21,073 kes berbanding 18,762 kes harian baharu; pada 30 Ogos, kes sembuh 21,257 berbanding 19,268 kes harian baharu, sementara pada 29 Ogos, kes sembuh 20,845 berbanding 20,579 kes harian baharu.

Sebanyak 1,001 kes pesakit Covid-19 memerlukan rawa-

tan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 470 kes daripadanya prosedur intubasi/bantuan pernafasan.

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, daripada 20,988 kes harian kelmarin, 341 kes (1.6 peratus) adalah di bawah kategori 3, 4 dan 5.

Dalam kenyataan Akhbar KPK kelmarin, beliau berkata, sebanyak 20,647 kes (98.4 peratus) terdiri daripada kategori 1 dan 2.

KKM meletakkan pesakit Covid-19 yang memerlukan ventilator yang dianggap kritikal di kategori 5. Kategori 4 untuk pesakit yang memerlukan bantuan oksigen dan kate-

gori 3 pula yang menghidap radang paru-paru. Kategori 1 (tiada gejala) dan kategori 2 (gejala ringan).

Secara keseluruhannya, hanya 6,133 kes (29.2 peratus) daripada sebanyak 20,988 kes baharu kelmarin mempunyai sejarah vaksinasi lengkap. Sebanyak 4,995 kes (23.8 peratus) menerima sekurang-kurangnya satu (1) dos vaksin, sementara 9,860 kes (47.0 peratus) tiada sejarah vaksinasi.

Mengenai Situasi dan Maklumat Terkini Mengenai Mutasi Spike Protein Covid-19 di

Malaysia, Dr Noor Hisham memaklumkan pada Selasa 31 Ogos 2021, kajian bertelusur oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), *Integrative Pharmacogenomics Institute* (iPROMISE) Universiti Institut Mara (UiTM) Selangor dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) *Institute of Health and Community Medicine* (IHCM) mengenai pasti 265 kes varian baharu virus SARS-CoV-2 yang kesemuanya adalah


Variant of Concern (VOC) iaitu varian Delta (B.1.617.2).

IMR mengenal pasti sebanyak 39 kes varian Delta (B.1.617.2),

iPROMISE mengenal pasti 48 kes varian Delta (B.1.617.2) manakala Uni-

mas IHCM pula mengenal pasti sebanyak 178 kes varian Delta (B.1.617.2).

Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai VOC dan *Variant of Interest* (VOI) adalah sebanyak 1,221 kes.





MASYARAKAT perlu mempersiapkan diri hidup dengan Covid-19 apabila Malaysia memasuki fasa endemik kelak.

WANITA BERSALIN BERSENDIRIAN DI HSI

TMJ titah supaya kejadian tidak berulang

Johor Bahru: Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibrahim menitahkan kejadian seorang wanita bersalin secara bersendirian di Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini, tidak patut berlaku lagi.

Tunku Ismail dalam ciapan di akaun Twitter baginda bertitah, pihak yang terbabit akan diberikan peringatan dan amaran supaya menjalankan tugas bagi menjamin keselamatan dan

keleseasan pesakit.

“Saya menerima laporan dari Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) dan melihat kenyataan jabatan itu.

“Pihak-pihak tertentu akan diberikan peringatan dan amaran supaya memastikan keselamatan dan keleseraan para pesakit sentiasa dijamin. Perkara yang tidak diinginkan seperti ini tidak patut berlaku lagi,” titah baginda dalam ciapan dibuat kelmarin.

Tunku Mahkota Johor salin seorang diri di dewan membuat ciapan berkenaan bersalin HSI di sini, bulan selepas netizen berkongsi laporan berita insiden wanita berkenaan bersalin sendirian kepada baginda.

Kelmarin, JKNJ dilaporkan akan menjalankan siasatan terperinci mengenai kejadian seorang ibu yang ber-

“

Perkara yang tidak diinginkan seperti ini tidak patut berlaku lagi
TMJ

dan JKNK akan mengambil

tindakan penambahbaikan yang diperlukan.

Terdahulu di media sosial, seorang wanita mendakwa bahawa dia terpaksa melahirkan anak seorang diri di bilik pengasingan khas bagi ibu hamil positif Covid-19, selepas panggilannya untuk meminta bantuan kakitangan hospital tidak dilayan.

Wanita itu membuat naik status di akaun Facebooknya pada 31 Julai, tetapi hanya tular sejak Rabu lalu.

HARISAN METRO (04/09/2021) M15 03



TEKNOLOGI harus digunakan sebaiknya untuk berhubung dengan ahli keluarga, sekali gus membantu menyeimbangkan keperluan emosi.

WARGA EMAS KEMURUNGAN
Koronavirus tingkat kecenderungan depresi

Shah Alam: Gejala kemurungan dalam kalangan warga emas harus diambil perhatian serius bagi memastikan mereka dapat menikmati usia senja secara positif dan produktif, kata pakar.

Menurut pakar Psikogeriatik Hospital Sultanah Nur Zahirah Dr Layuza Aliasad, ini kerana berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2018 mendapati seorang daripada 10 warga emas di Malaysia mempunyai gejala kemurungan.

Beliau berkata keadaan pandemik Covid-19 melanda dunia termasuk Malaysia ketika ini secara tidak langsung meningkatkan lagi kecenderungan untuk warga tua mengalami kemurungan kerana tidak dapat bertemu dengan anak dan cucu yang tinggal berjauhan dengan mereka.

“Kemurungan dalam kalangan warga emas sukar di-



Kemurungan dalam kalangan warga emas sukar didiagnosis berbanding golongan dewasa kerana golongan dewasa lebih terbuka mengakui mereka berasa sedih atau murung”

Dr Layuza

diagnosis berbanding golongan dewasa kerana golongan dewasa lebih terbuka mengakui mereka berasa sedih atau murung,” katanya.

Selain itu, katanya, kesukaran lain bagi menilai warga emas menghadapi gejala atau penyakit kemurungan adalah kebanyakan mereka hilang selera, turun berat badan serta sering merasa letih dan

ciri-ciri tersebut sama seperti golongan yang menghadapi penyakit kronik pada usia mereka.

Beliau berkata, antara ciri lain kemurungan adalah sering berasa sakit badan tanpa punca jelas, hilang minat beraktiviti dan berdandan serta kurang beri tumpuan yang menjadikan mereka mudah lupa

“Masyarakat kadangkala tersalah menafsirkan seseorang warga tua itu nyanyuk kerana ada kemungkinan gejala kemurungan dialami menyebabkan individu itu tidak memberi tumpuan dan menyebabkannya menjadi pelupa,” katanya.

Namun, katanya, adalah penting ahli keluarga menilai setiap perubahan dialami orang tua mereka dan perlu sentiasa memberi sokongan emosi dengan tidak membiarkan mereka merasa ke-

sunyian selain mendapatkan rawatan di hospital.

Menurutnya, banyak faktor menyebabkan warga emas mengalami kemurungan antaranya ialah menghadapi penyakit kronik, perubahan fizikal seperti amputasi (potong) anggota badan disebabkan komplikasi penyakit kencing manis yang tidak terkawal dan pengambilan ubat tradisional yang mengandungi steroid tanpa kawalan serta sejarah ahli keluarga yang pernah menghidap kemurungan.

Dr Layuza berkata, apa yang penting warga emas itu perlu mencegah gejala kemurungan dengan mengurangkan risiko tersebut melalui amalan gaya hidup sihat termasuk senaman yang bersesuaian, makan makanan seimbang dan hendaklah selalu berinteraksi dengan ahli keluarga dan masyarakat sekitar.

“Walaupun berhadapan dengan kekangan pandemik Covid-19 yang menjarakkan keluarga kita, penggunaan teknologi harus digunakan sebaiknya dengan berbual dengan ahli keluarga menerusi telefon secara tidak langsung membantu menyeimbangkan keperluan emosi kita,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi pada 2018 selain warga emas, golongan lain yang lebih cenderung mengalami kemurungan ialah individu yang tidak mempunyai pasangan hidup termasuk bujang, duda, janda serta mereka yang kehilangan pasangan.

Tambahnya, tinjauan sama mendapati gejala kemurungan lebih cenderung dihidapi kaum wanita dan masyarakat di luar bandar.